

# **JURNAL PERADABAN**

**Jilid 1, 2008**

**Editor:**

**Osman Bakar & Azizan Baharuddin**

# **JURNAL PERADABAN**

**Jilid 1, 2008**

**Editor:**

**Osman Bakar & Azizan Baharuddin**



**Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
2008**

# Kandungan

<b>Sekapur Sirih</b>	vii - viii
<b>Prakata</b>	ix - x
1. Takdir Alisyahbana dan Pemikiran Kebudayaan <i>Abdul Hadi W.M.</i>	1- 24
2. Peranan Dialog Peradaban Dalam Wacana "Tamadun Malaysia" <i>Azizan Baharuddin</i>	25 - 41
3. Sastera Sebagai Wadah Intelektual: Satu Analisis Teks Terhadap Novel <i>Sutan Baginda</i> Karya Shahnnon Ahmad <i>Mohd Zariat Abd Rani</i>	43 - 66
4. Strategi Membangunkan Peradaban Malaysia: Perspektif Nilai-Nilai Spiritual Tamadun India-Hindu <i>N. Kanthasamy</i>	67 - 73
5. Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban <i>Osman Bakar</i>	75 - 97
6. Pendekatan Pluralisme Dalam Pengajian Islam: Satu Pengenalan <i>Rahimin Affandi Abd Rahim</i>	99 - 116
7. Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis <i>Kitab al-Siyasah</i> <i>Wan Suhaimi Wan Abdullah</i>	117 - 131
<b>Biodata Ringkas Penulis</b>	133 - 137

## Sekapur Sirih Dari Ketua Editor

Dengan terbitnya keluaran sulung *Jurnal Peradaban* ini maka satu lagi kejayaan telah dicatatkan oleh Pusat Dialog Peradaban (PDP), Universiti Malaya sejak ia tertubuh pada tahun 1996. PDP sudah pun menerbitkan sebuah jurnal ilmiah berjudul *Katha*. Sehingga *Jurnal Peradaban* diterbitkan pada tahun 2008 jurnal *Katha* bersifat dwi-bahasa dengan memuatkan makalah-makalah dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu/Bahasa Malaysia. Kini PDP memutuskan untuk menjadikan *Katha* jurnal berbahasa Inggeris sepenuhnya manakala *Jurnal Peradaban* hanya memuatkan makalah dalam bahasa Melayu/Bahasa Malaysia.

Penerbitan *Jurnal Peradaban* boleh dikira amat bererti dalam banyak segi. Pertamanya, jurnal ini merupakan satu-satunya jurnal dalam bahasa Melayu yang tertumpu kepada isu-isu ketamadunan dalam pengertiannya yang luas. Malahan dalam bahasa-bahasa lain pun termasuk bahasa Inggeris jumlah jurnal yang menumpukan perhatian kepada isu-isu ketamadunan boleh dibilang dengan jari. Antara sebab utamanya ini berlaku ialah kecuaiannya masyarakat ilmiah terhadap ilmu dan isu-isu ketamadunan. Bukan di Malaysia sahaja bidang pengajian ketamadunan diabaikan, malah di serata dunia. Keduanya, menerusi jurnal berbahasa Melayu ini bukan sahaja wacana tentang ilmu dan isu ketamadunan boleh disemarakkan di kalangan mereka yang kurang menguasai bahasa Inggeris tetapi juga peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dapat diperluaskan dan dipertingkatkan. Bahasa Melayu sebagai

bahasa Malaysia tidak boleh berperanan dengan berkesan di pusat-pusat pengajian tinggi tanah air dan sesungguhnya tidak boleh dibanggakan selagi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dan intelektual tidak diperkukuhkan menerusi aktiviti-aktiviti keserjanaan yang bermutu tinggi.

Ketiganya, jurnal ini menyediakan satu forum yang baik untuk ahli-ahli akademik tanah air, khususnya yang mengajar kursus TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) di pusat-pusat pengajian tinggi untuk menerbitkan hasil penyelidikan dan pengajaran mereka. Sebenarnya ada ramai ahli akademik yang berminat dengan bidang ilmu ketamadunan tetapi minat dan bakat mereka tidak terarah ke matlamat keserjanaan yang jelas lagi membangun lantaran ketiadaan forum ilmiah seumpama itu. Oleh itu adalah diharapkan agar kursus TITAS dapat dimantapkan lagi dengan adanya semangat dan iltizam baru para pengajarnya yang boleh dicetuskan oleh wacana yang terkandung dalam jurnal ini. Kita berharap semoga jurnal ini mendapat sambutan baik daripada para pengajar kursus TITAS. Kebetulan pula PDP kini diamanahkan untuk menjadi penyelaras dan sekretariat kursus TITAS bagi semua IPTA.

Keempatnya, sejak kebelakangan ini semakin banyak diperkatakan tentang peradaban Malaysia. Adalah harapan kita agar isu-isu ketamadun Malaysia kontemporari dan masa depan akan dapat diperbahaskan seluas-luasnya dan juga semendalam yang mungkin dalam suasana ilmiah yang hening tanpa prejudis dan emosi demi kebaikan masyarakat dan negara Malaysia.

Bagi pihak Pengarah dan staf PDP saya ingin menyatakan kesyukuran pihak kami kepada Allah swt kerana berpeluang untuk berkhidmat kepada Universiti Malaya, masyarakat dan negara Malaysia menerusi penerbitan jurnal ini dan pengembangan ilmu ketamadunan yang diperjuangkannya. Kepada Allah jua kita memohon pertolongan (*Wa bihi nasta'in*).

**Osman Bakar, PhD**  
**Profesor Emeritus/Ketua Editor**



## Prakata

Hari ini setelah negara kita mencapai 51 tahun kemerdekaan berbagai faktor persekitaran yang menyelubungi dan mempengaruhi hidup kita sebagai masyarakat majmuk mungkin telah banyak berubah. Faktor globalisasi dan industrialisasi mungkin merupakan dua perkara yang banyak mempengaruhi cita rasa dan cara berfikir masyarakat. Sekiranya kita tidak memerhatikan dan menyedari proses kehakisan nilai yang boleh berlaku melalui dua fenomena yang disebut ini, sememangnya kita akan mengalami kelompongan dalam jati diri dan integriti bangsa khususnya di kalangan golongan muda.

Samada ada disedari atau tidak, realiti yang paling penting pada masa kini yang mencabar peradaban sejagat ialah proses kehakisan nilai dan kearifan tradisional serta ciri-ciri ke beradaban yang membolehkan globalisasi ditangani dengan baik. Dengan cara yang sama tanpa menyedari dampak globalisasi ke atas masyarakat dengan sepenuhnya, kita tidak akan dapat merancang masa depan dengan sebaik-baiknya dan memastikan pengenalan diri (identiti diri) tidak luntur atau terus hilang.

Meskipun kini kebanyakan negara atau masyarakat Asia seperti Malaysia telah mencapai kemerdekaan dan pembangunan, namun manipulasi dan penjajahan masih boleh berlanjutan dalam bentuk baru. Hari ini kadang kala, masyarakat Asia sukar dikenali dengan ciri-ciri peradabannya yang tersendiri dalam berbagai lapangan kehidupan sama ada yang berkaitan dengan gaya hidup sehinggalah kepada kedaulatan negara di dalam membuat keputusan. Kebebasan yang sepatutnya wujud pada sesebuah masyarakat atau negara dalam menentukan haluan kehidupan dan masa depannya sendiri

kadangkala dikongkong oleh pelbagai bentuk dominasi yang baru. Apa pun, jati diri yang berdasarkan nilai-nilai murni peradaban pasti dapat merupakan permulaan atau asas pertahanan yang diperlukan.

Dalam konteks ini dialog antara peradaban adalah satu strategi yang boleh membantu masyarakat Asia berdepan dengan globalisasi yang dipacu oleh unsur-unsur yang kebanyakannya lahir di Barat. Dialog juga boleh berperanan mengimbangi komponen pembangunan insan yang tidak boleh dilupakan dalam proses pembangunan negara keseluruhannya. Dalam konteks interaksi kumpulan-kumpulan etnik yang berbagai di dalam negara, menangani arus negatif globalisasi melalui dialog antara peradaban boleh dilaksanakan misalnya dengan dicungkil dari tamadun-budaya latar masing-masing cara-cara alternatif untuk menangani masalah-masalah bersama yang dihadapi seperti gejala sosial dikalangan remaja, masalah kesedaran alam sekitar, keruntuhan akhlak, kelemahan institusi keluarga dan lain-lain.

Dialog dapat mengurangkan prejudis di antara kumpulan yang berbeza pendapat. Dialog membolehkan kita menggembelengkan sumber-sumber kekreatifan kita supaya masyarakat boleh menjadi lebih inovatif dan mampu bersaing di peringkat dunia.

Akhir sekali dialog antara peradaban harus berlaku bukan sahaja diperingkat intelektual dan teori. Dialog antara peradaban harus dibudayakan sehingga ia menjadi suatu budaya dan ciri tabiat orang Malaysia. Dalam konteks ini, *Jurnal Peradaban* mungkin boleh dilihat sebagai wahana proses pembudayaan tersebut. Semoga jurnal ini menyemarakkan dan mengukuhkan lagi bidang pengajian dan dialog ketamadunan khususnya dikalangan sarjana bidang-bidang yang berkaitan di dalam dan diluar negara.

**Azizan Baharuddin, PhD**  
**Pengarah Pusat Dialog Peradaban**